

Lelaki ugut bunuh adik tiri dihukum penjara 12 bulan

KUCHING: Perbuatan seorang abang yang mengugut bunuh adik tirinya menggunakan sebilah pisau pemotong daging membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mohd Hafizullah Safri, 36, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan itu terhadap adik tiri lelakinya yang berusia 22 tahun dalam satu kejadian sekitar jam 4.11 pagi pada 10 Mei 2025, di sebuah rumah di Kampung Semariang Bentara, Jalan Semariang.

Berdasarkan keterangan kes, mangsa terdengar abang tirinya (tertuduh) dan adik perempuannya sedang bergaduh namun tidak mengetahui punca.

Berikutan itu, mangsa keluar dari bilik tidur dan cuba meleraikan pergaduhan.

Bagaimanapun, tertuduh secara tiba-tiba telah menyerang mangsa dan menuduhnya masuk campur dalam pergaduhan.

Tertuduh cuba mencederakan mangsa menggunakan pisaun namun dapat dielak oleh mangsa.

Selepas itu, tertuduh mengeluarkan kata-kata ugutan terhadap mangsa yang berbunyi, "Aku tidak puas hati dengan Arash, aku mahu dia mati malam ini depan rumah."

Khuatir akan keselamatan diri dan keluarga, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada hari sama sekitar jam 9 malam.

Hasil siasatan mendapati terdapat saksi-saksi kejadian yang mengesahkan kejadian tersebut iaitu ibu dan jiran.

Pada masa kejadian juga, tertuduh dipercayai berada di bawah pengaruh dadah.

Tertuduh tidak diwakili peguam.